

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HFA 101 - Pengantar Falsafah

Tarikh: 13 April 1986

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan, sekurang-kurangnya SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah anda dapat setuju dengan gambaran Plato (dalam The Republic) mengenai individu yang bermoral dan masyarakat yang bermoral?
2. Adakah anda setuju bahawa kesan-kesan sesuatu tindakan yang merupakan aspek yang paling penting bila kita timbangkan nilai moral tindakan itu? Mengapa?
3. Jelas dan bincangkan tegasan Kant bahawa prinsip moral ialah prinsip yang dapat diperumumkan sehingga menjadi hukum umum kepada semua orang manusia.
4. "Menggunakan kebahagiaan manusia sebagai kayu ukur untuk penilaian moral bukan saja membawa kepada keputusan moral yang ganjil malah kepada keputusan yang tidak boleh dianggap sebagai bermoral".

Bincangkan.

BAHAGIAN B

5. "Sistem nilai moral Confucius terlalu mengutamakan aspek sosial dan luaran sehingga tidak ada ruang untuk aspek individu dan dalaman".

Bincangkan.

6. Bincangkan secara kritis hujah-hujah utama yang diberi oleh Mencius untuk menyokong pendiriannya bahawa sifat semula jadi manusia telahpun mengandungi benih-benih kebaikan.
7. Bincangkan kritikan-kritikan yang dikemukakan oleh Mo Tzu kepada sistem pemikiran Confucius.
8. Adakah anda setuju dengan tuduhan bahawa aliran Taoisme menafikan kepastian nilai moral dan justeru itu menggalakkan manusia menjauhkan diri daripada masalah-masalah moral yang timbul dalam masyarakat.

-ooo000ooo-